

Perang servis Aizat-Ezzat hari ini



SEREMBAN - Perhitungan dua tekong berbisa dari generasi berbeza bakal meletus dalam perlawanan akhir kategori Terbuka-Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan 2015 hari ini apabila Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) A menempah pertemuan itu dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) C.

Semalam, PKNS A yang diperkuatkan tekong muda negara, Ahmad Aizat Mohd. Nor Azmi selain diapit Muhamad Hafiz Izudin Wahab dan Herfendy Latiff melepasi separuh akhir di Kompleks Sukan Negeri, Paroi, Seremban dengan menewaskan Pusat Latihan Negeri (PLN) Johor A 15-10, 15-13.

Bekas tekong kidal negara, Ahmad Ezzat Mohamad Zaki pula yang mengemudikan UPM C di samping Muhamad Kamal Ishak dan Shohibul Fadilah Abd. Syam, turut mara ke perlawanan akhir selepas menundukkan tuan rumah' Persatuan Sepak Takraw Negeri Sembilan (Pestans) F 15-12, 15-5 dalam tempoh 40 minit.

PKNS A dan UPM C turut akan berentap demi ganjaran termahal kejohanan antara regu di negara, RM15,000 dalam perlawanan akhir di Pusat Beli-Belah Palm Mall, Seremban, petang ini manakala PLN Johor A dan Pestans F masing-masing sekadar berpuas hati sebagai pemenang hadiah ketiga bersama dengan RM2,500.

Empat lagi regu yang terkandas dalam suku akhir kejohanan edisi keenam ini pula iaitu PKNS C, Jaguh Kampung, Sawadee A, Kerinchi C, masing-masing menerima sagu hati sebanyak RM1,000 sebagai



PEMAIN UPM C, Muhamad Kamal Ishak (kanan) membuat libasan yang cuba dihalang oleh pemain Pestans F, Muhammad Fadzil Baharudin, ketika bertarung dalam separuh akhir kategori Terbuka Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan 2015, di Kompleks Sukan Negeri di Paroi, Seremban semalam.

pemenang tempat kelima bersama.

Terdahulu dalam suku akhir, PKNS yang dibimbing oleh Azlan Miswan dan bekas tekong negara, Khairul Anuar Mohd. Noor menundukkan Sawadee A 15-9, 15-7 dalam tempoh setengah jam sementara UPM C menundukkan MBMB B 15-11, 15-11 dalam satu lagi perlawanan.

"Servis Ahmad Ezzat banyak membantu kemenangan kami dalam separuh akhir ini. Pengala-

mannya dengan servis pancung jelas sekali menyulitkan lawan menangkis sehingga menghasilkan mata mudah kami," kata jurulatih UPM C, Mohd. Hafizie Manap

"Sekalipun PLN Johor A kalah, saya berpendapat bahawa tekong mereka mampu menjadi aset sepak takraw negara, satu hari nanti. Dia cuma gagal menemui rentak dan ketepatan servis lebih awal dalam sistem kiraan-15 mata ini," kata Azlan pula.